

PROGRAM GANJARAN WORLD BUSINESS MASTERCARD UOB
Pengalaman Lapangan Terbang Mastercard® (MCAE) oleh LoungeKey &
Akses ke WiFi Boingo
Terma dan Syarat

Am

Terma dan syarat ini ("Terma dan Syarat") akan digunakan untuk Kad World Business MasterCard United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") yang dikeluarkan oleh UOBM kepada Ahli Kad World Business UOBM ["Ahli Kad"].

Terma dan Syarat ini perlu dibaca bersama dengan Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard UOBM ("Perjanjian Ahli Kad").

Untuk mengelakkan keraguan, "Ahli Kad" bermakna kedua-dua Ahli Kad utama dan tambahan.

Kecuali ditakrif secara berbeza dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Terma dan Syarat ini akan mempunyai makna yang sama seperti di dalam Perjanjian Ahli Kad.

UOBM berhak untuk menentukan semua perkara berhubung dengan ganjaran dan/atau penggunaan mana-mana atau semua manfaat dan keistimewaan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini. Keputusan UOBM adalah muktamad dan harus dipersetujui oleh Ahli Kad. Manfaat dan keistimewaan yang diuraikan di bawah boleh dipinda, ditambah atau ditarik balik oleh UOBM pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad.

Program Ganjaran World Business MasterCard UOB

1. Berikut adalah ganjaran yang diberikan di bawah kad World Business MasterCard UOBM ("Program Ganjaran"):

a) Pengalaman Lapangan Terbang Mastercard® (MCAE) Tanpa Caj oleh LoungeKey

- a) Akses ke Ruang Istirahat Lapangan Terbang ini adalah sah dari 1 Mac 2020 sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.
- b) Sila layari laman web di <https://airport.mastercard.com/en> atau muat turun aplikasi untuk Pengalaman Lapangan Terbang Mastercard yang disediakan oleh LoungeKey, dan klik pada butang "Daftar Sekarang". Kemudian ikuti proses pendaftaran untuk memulakan pengalaman lapangan terbang Mastercard anda.
- c) Setelah mendaftar, pelanggan boleh log masuk menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan mereka untuk mengakses fungsi utama Pengalaman Lapangan Terbang Mastercard. Ini termasuk mengakses Akaun mereka dan mencari Ruang Istirahat & Tawaran.
- d) Pelanggan boleh mencari ruang istirahat lapangan terbang yang disediakan, tawaran, rekod lawatan dan banyak lagi melalui Pengalaman Lapangan Terbang Mastercard yang disediakan oleh aplikasi LoungeKey.
- e) Ahli Kad Utama boleh menikmati akses percuma ke ruang istirahat lapangan terbang bagi ruang istirahat yang mengambil bahagian di bawah program LoungeKey. Fi akses juga akan dikecualikan tertakluk kepada Ahli Kad yang memenuhi perbelanjaan minimum sebanyak RM5,000 di luar negara dalam tempoh 30 hari dari tarikh kemasukan ke ruang istirahat lapangan terbang. Jika Ahli Kad gagal memenuhi syarat perbelanjaan minimum yang ditetapkan, fi akses ke ruang istirahat sebanyak USD32 bagi setiap kemasukan akan didebitkan daripada akaun kad kredit Ahli Kad selepas 30 hari dari tarikh kemasukan. [Untuk tetamu Ahli Kad Utama, fi akses ke ruang istirahat sebanyak USD32 bagi setiap orang akan dikenakan ke atas akaun kad kredit Ahli Kad](#)
- f) Pemegang Kad Tambahan serta tetamu Ahli Kad Utama tidak layak ~~memasuki~~ [menikmati akses ke](#) Ruang Istirahat Lapangan Terbang.

- g) Sewaktu mengakses Ruang Istirahat Lapangan Terbang, kad World Business Mastercard Ahli Kad mestilah sah, terkini, wujud dan dalam kedudukan kredit yang baik atau seperti yang mungkin ditentukan oleh UOBM dan tidak melanggar sebarang Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard UOBM.
- h) Sekiranya Ahli Kad membatalkan kad selepas menggunakan akses ke Ruang Istirahat Lapangan Terbang dan tidak memenuhi syarat perbelanjaan minimum, fi Akses ke Ruang Istirahat masih akan didebitkan ke dalam akaun kad kredit.
- i) Akses ke Ruang Istirahat Lapangan Terbang tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar dengan barangan lain atau tunai.
- j) Selepas mendaftar untuk akses ke Ruang Istirahat Lapangan Terbang oleh LoungeKey, Ahli Kad akan dianggap telah menerima semua Terma dan Syarat program LoungeKey.
- k) Jika Ahli Kad melakukan beberapa akses ke Ruang Istirahat Lapangan Terbang dalam bulan yang sama, Ahli Kad mesti membelanjakan sekurang-kurangnya RM5,000 di luar negara untuk setiap lawatan ke ruang istirahat, 30 hari dari setiap tarikh kemasukan ke ruang istirahat.
- l) Ahli Kad bertanggungjawab untuk memastikan terdapat had kredit yang mencukupi untuk menikmati akses percuma ke Ruang Istirahat Lapangan Terbang dan memenuhi perbelanjaan minimum.
- m) UOBM tidak memberi jaminan untuk kualiti atau perkhidmatan yang disediakan oleh LoungeKey dan tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kekurangan, kelewatan atau ketidaksempurnaan perkhidmatan sedemikian atau untuk apa-apa kejadian tidak diingini, kecederaan atau kemalangan yang mungkin berlaku semasa penebusan atau penggunaan Keistimewaan di bawah program ini.
- n) Keistimewaan tidak termasuk sebarang aksesori atau barangan yang dipaparkan dalam sebarang bahan pemasaran dan/atau komunikasi kerana ia adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- o) Ahli Kad yang Layak bersetuju bahawa beliau akan melindungi dan tidak mempertanggungjawabkan UOBM untuk semua liabiliti, ganti rugi, kerugian, tuntutan, tindakan guaman, penghakiman, kos dan perbelanjaan (termasuk fi guaman) untuk kecederaan kepada atau kematian mana-mana individu atau kerosakan kepada atau pemusnahan mana-mana harta yang timbul daripada penggunaan Keistimewaan oleh Pemegang Kad yang Layak atau mana-mana tetamu yang mengiringi Ahli Kad yang Layak.
- p) UOBM tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad yang Layak untuk sebarang pertikaian di antara Ahli Kad yang Layak dan LoungeKey mengenai perkara seperti kemasukan ke Ruang Istirahat, penyediaan dan penggunaan kemudahan di Ruang Istirahat, dan apa-apa bayaran untuk tetamu Ahli Kad yang Layak.

b) Akses ke WiFi Boingo Tanpa Had Percuma

- a) Pemegang Kad yang Layak akan menikmati akses ~~ke kawasan~~ 'hotspot' Wi-Fi di seluruh dunia yang ditawarkan oleh Boingo. Boingo menyediakan akses tanpa had ~~ke lebih~~ lebih daripada 1 juta kawasan 'hotspot' sehingga 4 peranti untuk Pemegang Kad yang Layak yang menggunakan kad World Business MasterCard UOB mereka.
- b) Kawasan 'hotspot' yang tersedia dalam rangkaian Boingo adalah tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa dan tidak ada jaminan untuk perkhidmatan atau lokasi yang mengambil bahagian. Senarai lokasi terkini boleh didapati di <http://wifi.boingo.com>.
- c) Untuk mengakses mana-mana kawasan 'hotspot' WiFi Boingo, Pemegang Kad yang Layak perlu ~~mewujudkan~~ mendaftar akaun dengan Boingo di <http://mastercard.boingo.com>
- d) Dengan memuat turun aplikasi Boingo Wi-Finder, Pemegang Kad yang Layak membenarkan Boingo untuk mengakses lokasi Pemegang Kad yang Layak.
- e) Pemegang Kad yang Layak perlu memberikan nombor Kad Kredit World Business MasterCard UOB mereka serta butir peribadi lain untuk mendaftar akaun dengan Boingo. Tidak ada caj

yang dikenakan untuk pendaftaran dengan Boingo kecuali jika Boingo **menentukan memutuskan bahawa** kebenaran nominal diperlukan bagi tujuan pengesahan.

- f) Pemegang Kad yang Layak perlu menyediakan data peribadi mereka terus kepada Boingo, dan menerima terma dan syarat Boingo sebelum akaun Boingo **diujukandidaftarkan**. Oleh itu, UOBM tidak bertanggungjawab kepada Pemegang Kad yang Layak berhubung dengan pemrosesan, pemindahan dan/atau pendedahan data peribadi Pemegang Kad yang Layak oleh Boingo.
- g) Selepas mendaftar, Pemegang Kad yang Layak akan diminta untuk memuat turun perisian aplikasi Boingo WiFinder. Boingo kemudiannya akan menghantar e-mel selamat datang kepada Pemegang Kad yang Layak yang telah mendaftar.
- h) UOB Bank tidak bertanggungjawab terhadap dan tidak memberi jaminan terhadap kualiti, keselamatan, liputan dan/atau ketersediaan rangkaian kawasan 'hotspot' Wi-Fi Boingo atau rakan kongsinya, dan Pemegang Kad yang Layak bersetuju bahawa penggunaan rangkaian Wi-Fi Boingo adalah pada risiko sendiri Pemegang Kad yang Layak.
- i) WiFi percuma ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat Boingo dan tidak boleh dipindah milik. Jika terdapat pelanggaran sebarang terma dan syarat Boingo, Boingo berhak menggantung dan/atau menamatkan akaun Ganjaran Boingo MasterCard Pemegang Kad yang Layak pada budi bicara mereka.

c) Mastercard Easy Savings

- a) Mastercard Easy Savings adalah program rebat automatik yang membolehkan rakan niaga yang mengambil bahagian untuk menyediakan rebat kepada Ahli Kad yang layak yang telah mendaftar untuk program ini.
- b) Pendaftaran diperlukan supaya layak mendapat rebat. Untuk pendaftaran, sila rujuk kepada https://www.mastercardeasysavings.com/ezsavings/ControllerServlet?bank_id=186069&i18n=en_US.
- c) Program ini tertakluk kepada Terma dan Syarat Mastercard. Sila rujuk kepada https://easysavings.mastercard.com/easysavings/crossborder/index_english.html#!/terms untuk butiran penuh Terma dan Syarat.

Terma dan Syarat Am

- a. Ahli Kad bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat ini termasuk sebarang pindaan dan/atau perubahan kepadanya dan juga terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad. Sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat ini dan Perjanjian Ahli Kad berhubung dengan Program ini, terma dan syarat ini akan dikekalkan. Terma dan Syarat ini, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa, akan mengatasi sebarang peruntukan atau perwakilan yang terkandung dalam bahan promosi lain yang mengiklankan program ini.
- b. Keputusan UOBM dalam semua perkara berhubung dengan Program ini adalah muktamad dan akan mengikat semua Ahli Kad yang Layak. UOBM tidak bertanggungjawab untuk memberi apa-apa sebab atau melayan sebarang surat-menyurat dengan mana-mana pihak mengenai apa-apa perkara berhubung dengan Program ini. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat daripada mana-mana Ahli Kad yang Layak atau mana-mana pihak ketiga tidak akan dilayan.
- c. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang tercetak dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan tertentu berhubung dengan program dan keistimewaan di atas.

- d.** UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah nyata atau salah tafsir fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan program yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- e.** UOBM tidak bertanggungjawab dan tidak menanggung sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Ahli Kad yang Layak dan/atau mana-mana pihak ketiga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Program ini kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja UOBM yang berkaitan khususnya dengan Program ini.
- f.** UOBM berhak untuk menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Program ini, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan Program Ganjaran oleh UOBM tidak memberi hak kepada Ahli Kad untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Ahli Kad, sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan sedemikian.
- g.** UOBM berhak untuk menambah, mengeluarkan, menggantung dan/atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad yang Layak melalui paparan pada laman web UOBM, Khidmat Pesanan Ringkas, pampasan notis di mana-mana cawangan UOBM, kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun dan/atau apa-apa cara lain yang mungkin ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa.
- h.** Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad yang Layak bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.
- i.** Terma dan Syarat ini adalah sebagai tambahan kepada setiap terma dan syarat sedia ada yang menyediakan tawaran/keistimewaan dan cadangan yang dirujuk dalam program ini. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan setiap terma dan syarat sedia ada yang menyediakan tawaran/keistimewaan dan cadangan tersebut, terma dan syarat ini akan dikekalkan berhubung dengan program ini.